

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KESEBELAS  
19 NOVEMBER 2007**

**PERKARA : 4(B)(IV)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
Y.B. ENCIK WONG MUN HOE**

15. Senaraikan semua projek yang telah diluluskan di bawah peruntukan Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Daerah Barat Daya untuk KADUN Pantai Jerejak sejak 2004 hingga sekarang dengan menyatakan butir-butir seperti jenis projek, lokasi projek, siapakah pemohonnya, jumlah peruntukan yang diperuntukkan dan status projek. Jika belum disiapkan, mengapa dan bila akan disiapkan.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Bagi DUN Pantai Jerejak sebanyak 379 projek kecil bernilai RM5.4 juta telah diluluskan sejak tahun 2004. Semua projek telahpun siap dilaksanakan. Permohonan projek hanya diterima dari Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya dan ianya telah diselaraskan dengan ADUN di kawasan berkenaan. Sebagai agensi pelaksana untuk projek-projek kecil di KADUN Pantai Jerejak, senarai terperinci projek-projek tersebut boleh diperolehi dari Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya.